

UPM kukuh budaya ICT

Oleh SERI INTAN OTHMAN
intan@hmetro.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) meneruskan usaha untuk terus menjadi antara pusat pengajian tinggi awam (IPTA) unggul di rantau ini.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, sempena 2003, universiti itu meneruskan usaha dalam Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Usaha itu dilakukan melalui Pembangunan e-Universiti yang dikendalikan secara terus oleh Bahagian Teknologi Maklumat UPM bagi menyokong fungsi utama universiti itu di bidang pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan perkhidmatan profesional.

Beliau berkata, pembangunan ICT dijalankan berdasarkan strategi yang merangkumi peningkatan kemampuan kakitangan dan pelajar, peningkatan pencapaian dan integrasi ICT dalam kurikulum.

Pembudayaan itu juga merangkumi pengiktirafan inovasi ICT dalam pembelajaran, keupayaan laluan internet yang setanding dengan penanda aras semasa dan keselamatan ICT yang canggih.

Pembentukan dasar ICT secara

amnya menjadi panduan pelaksanaan dan penerapan ICT dalam sistem operasi pentadbiran dan pengurusan universiti itu, seterusnya menjelaskan visi umum terhadap fungsi dan ciri ICT yang dibudayakan bagi memastikan kejayaan dicapai menepati fungsi yang dirancang secara teliti.

Operasi berkenaan merangkumi perkhidmatan ICT yang relevan kepada universiti serta menatapkin tindakan yang perlu diambil untuk melaksanakan perkhidmatan ICT.

Kukuh

Ia juga bagi mengukuhkan prinsip infrastruktur ICT universiti dan memastikan peningkatan ciri utama persekitaran ICT seperti ketahanan, kecekapan, ramah pengguna, keselamatan operasi dan penyerahgunaan (pembangunan) untuk semua perkhidmatan ICT dijalankan.

Program ini dilakukan kerana menyedari hakikat keperluan dan perkhidmatan ICT berkualiti memerlukan perancangan, pementauan, pengawalan dan pembangunan sumber manusia.

Zohadie berkata, pembentukan dasar ICT mengambil kira faktor

Memastikan peningkatan ciri utama persekitaran ICT seperti ketahanan, kecekapan, ramah dan pengguna

perkembangan semasa universiti dan kepakaran teknologi ini.

Kewujudan situasi itu juga perlu mengambil kira pengaruh seperti perubahan teknologi pantas, kekurangan tenaga pakar ICT, kekurangan sumber kewangan dan kakitangan pengurusan, menyediakan sistem dan pangkalan data bersepadu untuk memastikan keperluan Pelan Strategi UPM.

Dasar ICT, UPM itu juga merangkumi aspek kandungan dan fungsi, proses dan sumber ICT yang mengandungi tujuh bahagian utama polisi itu.

Ini membabitkan Dasar Pengurusan ICT ditakrifkan di semua

peringkat pengurusan organisasi bagi memastikan setiap perkhidmatan ICT ditawarkan kepada warga UPM sentiasa berdaya tahan, boleh dipercayai, ramah pengguna dan berciri keselamatan lengkap.

Pembelajaran Secara Elektronik atau e-Pembelajaran menekankan penggunaan teknologi pembelajaran terkini kepada penyarah dan pelajar yang dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan peralatan berteknologi terkini.

Manakala Dasar Pengurusan Ilmu menumpukan kepentingan sumber ilmu dan perkongsian ilmu di kalangan kakitangan dan pelajar yang boleh disimpan ke Repositori Ilmu UPM untuk kegunaan bersama bagi kebaikan universiti itu dalam meningkatkan mutu dan pengetahuan warga UPM.

Dasar kelima, Pembangunan dan Kemahiran Pelajar, Pegawai Akademik dan Pentadbir untuk perancangan jangka pendek serta panjang bagi tujuan menjadikan mereka pekerja berpengetahuan (k-worker).

Dasar Perkhidmatan dan Sistem Maklumat mentakrifkan ciri

fungsi utama sistem, isu pelaksanaan, keperluan operasi dan penyerahgunaan.

Menurutnya, sistem maklumat ini juga meliputi Sistem Maklumat Perpustakaan, Maklumat Pelajar, Pengurusan Kewangan, Sumber Manusia serta sistem lain yang menyokong pentadbiran universiti.

Dasar keenam, katanya, membabitkan Perkhidmatan Automasi Pejabat (QA) yang difokuskan kepada keperluan perkhidmatan dara seperti e-mail, capaian internet, perkhidmatan internet dan intranet serta peralatan dan perisian.

Sementara itu, dasar ketujuh ialah Infrastruktur yang membabitkan pembangunan dan penggunaan rangkaian komunikasi data, suara dan multimedia yang diperlukan, perkhidmatan secara berkesan, cekap dan selamat kepada pengguna akhir.

Pelaksanaan dasar ini diharapkan mampu memenuhi keperluan komuniti kampus terhadap peningkatan kemahiran dan pengetahuan ICT serta berjalan seiring dengan visi serta misi UPM ke arah sebagai IPTA bertaraf dunia.